



TABUNG AMANAH PEKERJA MENYERTAI MESYUARAT LEMBAGA ASEAN SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ASSA) KE-41

Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah menghadiri Mesyuarat Lembaga *ASEAN Social Security Association* (ASSA) ke-41 yang diadakan pada 25 hingga 27 November 2024 di Manila, Republik Filipina dengan bertemakan "*Navigating the Future of Social Security: Integration, Innovation, and Inclusion*". Mesyuarat kali ini dihoskan oleh *Government Service Insurance System (GSIS)*, Republik Filipina.

Turut hadir semasa acara pembukaan Persidangan ASSA ialah Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Awang Haji Md Adfarul bin Haji Maz Adanan, Pengarah Urusan TAP serta pegawai-pegawai TAP. Acara dituruti dengan sesi seminar dan perkongsian amalan terbaik dalam industri perlindungan sosial. Pada tahun ini, TAP telah menyampaikan perkongsian mengenai '*Introduction of Administrator Nomination Feature under Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) or National Retirement Scheme*', iaitu satu kaedah yang membolehkan Ahli-Ahli SPK untuk membuat pencalonan Pentadbir Penama yang akan mengurus tadbir simpanan SPK setelah Ahli meninggal dunia.

Pada hari berikutnya, agenda mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia turut memuatkan penganugerahan Pengiktirafan ASSA bagi mengiktiraf pencapaian ahli-ahli ASSA, dan TAP telah mendapat Pengiktirafan ASSA di dalam kategori *Continuous Improvement Recognition Award* melalui projek *Introduction of Administrator Nomination Feature under Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) or National Retirement Scheme*. Anugerah tersebut disampaikan oleh Ahmad Zulqarnain Onn, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia selaku Pengerusi ASSA 2023/2024 kepada Awang Haji Md Adfarul bin Haji Maz Adanan, Pengarah Urusan TAP.

ASSA telah ditubuhkan pada tahun 1998 dan memainkan peranan penting dalam pembangunan keselamatan sosial di rantau ini. Sebanyak dua puluh (20) buah institusi dari negara-negara ASEAN telah menyertai ASSA iaitu dari Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia, Thailand, Republik Filipina, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Sosialis Viet

SIARAN AKHBAR

TABUNG AMANAH PEKERJA

Bagi Keluaran: Hari Rabu, 27 November 2024



تابوڠ امانه فڪر جا

TABUNG AMANAH PEKERJA

Nam dan Republik Demokratik Rakyat Lao. Mesyuarat ASSA diadakan pada setiap tahun dan memberikan ruang untuk pakar-pakar dari negara-negara ahli untuk mengongsikan idea dan pengalaman mengenai isu keselamatan sosial di rantau ini. Mesyuarat Lembaga ASSA Ke-42 seterusnya akan dihoskan oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025.

SIARAN AKHBAR

TABUNG AMANAH PEKERJA

Bagi Keluaran: Hari Rabu, 27 November 2024



تابوڠ امانه فڪر جا

TABUNG AMANAH PEKERJA



